

Kaedah Bacaan Asas: Celik Huruf

Aminah Ahmat

aminah_ahmat@moe.edu.sg

Azah Abdul Aziz

azah_abdul_aziz@moe.edu.sg

Sekolah Rendah East Spring

Abstrak

Literasi bukanlah satu anugerah tetapi hak setiap kanak-kanak. Membaca merupakan satu kemahiran asas yang membuka kepada penemuan dan perkembangan pengetahuan individu. Keistimewaan dan kelebihan kaedah fonik telah digunakan untuk mengajar murid-murid membaca. Fonik amat penting dalam membina kemahiran mengeja dan seterusnya membaca. Fonik membina kemahiran asas membaca dengan menekankan bunyi huruf dan gabungan huruf dan bunyi bagi menyebut suku kata. Kaedah yang dipelopori Orton Gillingham merupakan salah satu kaedah bacaan asas yang sering digunakan untuk murid-murid yang mengalami keadaan Dyslexia. Fokus utama kaedah ini ialah bunyi huruf dan bunyi yang dihasilkan melalui gabungan huruf. Kaedah ini telah diubah suai dan dijalankan dengan murid-murid Darjah 1 yang masih belum fasih membaca. Kaedah ini memberikan guru pendekatan alternatif yang lebih menarik untuk mengajar kemahiran membaca. Murid-murid pula mempunyai asas yang kukuh yang dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam pembacaan. Kemudian, mereka mengaitkan huruf dengan gambar. Akhir sekali, murid cuba mengeja dengan menggabungkan huruf. Dengan pendekatan yang diambil dalam menggunakan kaedah ini, murid-murid dapat membaca suku kata terbuka dan suku kata tertutup dengan lancar.

Kata Kunci: fonik, Kaedah Orton Gillingham, psikolinguistik



PENGENALAN

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada enam kemahiran bahasa yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kemahiran membaca ialah lanjutan daripada kemahiran-kemahiran asas seperti mendengar, bertutur, interaksi lisan dan interaksi penulisan. Melalui pembacaan, seseorang itu mampu menimba ilmu pengetahuan yang tidak dapat diperoleh menerusi pengalaman-pengalaman biasa yang lain.

Penyelidik-penyelidik seperti Goodman (1971, 1973) dan Smith (1971, 1975) misalnya, pernah menyatakan pendapat mereka bahawa membaca ialah proses psikolinguistik yang bermula dari detik pembaca itu memerhatikan perkataan pada muka surat hingga detik pembaca itu dapat membentuk makna dan menyebutnya. Hal ini bermakna sepanjang proses membaca terdapat interaksi antara bahasa dengan pemikiran.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ialah:

1. meneliti keberkesanan teknik membezakan bunyi huruf;
2. menyebut lambang huruf dan gabungan bunyi kata untuk membentuk perkataan dalam mempertingkat kemahiran asas membaca; dan
3. menggunakan fonik untuk membina kemahiran asas membaca.

PERNYATAAN MASALAH

Sebelum langkah-langkah seterusnya diambil, tinjauan terhadap masalah yang dikenal pasti bertujuan memahami secara mendalam masalah tersebut. Ternyata masalah utamanya murid-murid ini tidak dapat membunyikan dan menyebut huruf vokal dan konsonan dengan betul. Mereka juga tidak boleh mencantumkan dua suku kata bagi membentuk perkataan. Dalam mencari



kaedah yang bersesuaian dengan profil murid, beberapa teknik membaca awal telah dijadikan panduan. Profil murid menunjukkan bahawa mereka telah melalui sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman belajar di prasekolah. Namun begitu, masih terdapat murid yang lemah mengeja dan tidak dapat mencantumkan dan membunyikan suku kata dengan tepat.

KAJIAN LEPAS

Yahya (2005) menyatakan bahawa membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca adalah untuk memahami teks yang dibaca dan kandungan teks yang memberi makna kepada murid.

Menurut Zulkifley (2006), murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang rendah akan menunjukkan gangguan emosi seperti biadab dan kurang tumpuan terhadap pembelajaran. Fitur-fitur ini mempengaruhi kebolehan murid membaca.

KAEDAH KAJIAN

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada borang soal selidik kepada ibu bapa, ujian diagnostik, lembaran kerja dan ujian pascaintervensi. Tujuan borang soal selidik ialah untuk mendapatkan maklumat latar belakang murid dan pendidikan prasekolah murid.

Ujian saringan yang dijalankan menguji murid-murid dalam 6 bahagian:

1. Vokal /a/, /i/, /u/, /o/, /e/
2. Suku kata terbuka (ca)
3. Suku kata tertutup (jus, tem)
4. Bunyi sengauan (ngi, nyo)
5. Perkataan (kerusi, pantai, hidung)
6. Ayat (Tangan saya bersih.)



Ujian-ujian pascaintervensi pula digunakan pada akhir kajian untuk menguji keupayaan membaca murid setelah menjalani sesi intervensi dengan menggunakan kaedah Orton Gillingham.

Ujian pascaintervensi 1 bertujuan untuk menyemak kemahiran membaca ayat dari segi kelancaran, sebutan dan kekuatan suara.

Ujian pascaintervensi 2 pula menguji keupayaan murid membaca petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Lembaran kerja digunakan untuk menilai kefahaman murid dari segi membezakan bunyi, mengaitkan gambar dengan bunyi huruf, menggabungkan suku kata untuk menjadikan perkataan dan menyusun perkataan untuk dijadikan ayat.

Subjek Kajian

Seramai 72 orang murid Darjah 1 telah menjalani ujian diagnostik tetapi 14 orang murid yang memperoleh markah paling rendah telah disertakan dalam kajian ini. Markah mereka berada dalam lingkungan 7% – 33%. Murid lelaki terdiri daripada 11 orang, manakala murid perempuan hanya 3 orang sahaja.

Prosedur Kajian

Di peringkat awal kajian, guru menjalankan ujian diagnostik bagi kesemua murid Darjah 1 untuk mengetahui tahap kebolehan membaca murid. Satu borang dan bahan ujian digunakan bagi menguji sebutan huruf oleh murid. Guru mencatatkan markah yang diperolehi pada bahagian kanan lampiran. Murid yang mendapat markah paling rendah disertakan dalam kajian ini.

Sesi Intervensi

Tahap 1

Lembaran Bunyi Huruf terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama mempunyai kesemua 19 konsonan (tidak termasuk huruf *q* dan *x*) dan 6 vokal (termasuk 2 e: /e-taling/ & /e-pepet/) diberikan kepada murid. Murid membunyikan kesemua huruf yang terdapat di dalam fail itu. Bahagian



kedua mempunyai huruf berserta gambar. Murid membunyikan huruf dan menyebutkan nama gambar yang tertera pada kad yang sama.

Tahap 2

Pada tahap kedua, kad imbasan digunakan sebagai bahan ujian. Kad imbasan yang digunakan terdiri daripada kad berhuruf konsonan, vokal dan suku kata. Kad konsonan berwarna lemak ketam manakala kad suku kata dibahagikan kepada lima jenis dan warna– Suku kata bervokal /a/ (biru), suku kata bervokal /i/ (hijau), suku kata bervokal /u/ (ungu), suku kata bervokal /o/ (merah jambu) dan suku kata bervokal /e/ (kuning). Murid cuba membaca kad suku kata dan mencantumkan dua keping kad untuk dijadikan perkataan.

Tahap 3

Pada tahap terakhir ini, murid didedahkan kepada 4 jenis Permainan Bahasa. seperti:

Bunyi Awalan Vokal

Kad vokal /a/, /i/, /u/, /o/ dan /e/ disusun di atas meja. Murid mencari kad bergambar dan meletakkan kad tersebut di bawah kad bervokal yang betul.

Snap – Kad vokal, suku kata terbuka dan suku kata tertutup

Permainan ini mempunyai kad vokal, kad suku kata terbuka dan kad suku kata tertutup. Setiap murid mendapat beberapa keping kad suku kata. Murid pertama meletakkan sekeping kad di atas meja dan diikuti dengan murid seterusnya. Jika kad mereka sama, mereka meletakkan tangan di atas kad dan menyebut bunyi suku kata yang tertera di kad itu.

Asingkan Suku Kata

Setiap murid diberikan kad (*task card*) berukuran saiz A4. Mereka mengambil sekeping kad imbas yang mempunyai perkataan, sebagai contoh 'itik'. Kemudian, mereka mencari vokal /i/ dan kad suku kata 'itik' untuk melengkapkan perkataan tersebut.



Eja dan baca

Setiap murid diberikan kad (task card). Mereka mengambil kad bergambar, mengeja perkataan dan menyusun kad-kad bergambar tersebut di kad (*task card*)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Setelah melalui intervensi menggunakan kaedah Orton Gillingham, secara keseluruhan kelakonan murid-murid bertambah baik. Markah yang diperoleh bagi Ujian Pascaintervensi 1 dan Ujian 2 lebih tinggi dari markah yang diperoleh bagi Ujian Diagnostik.

Ujian Diagnostik

Merujuk kepada Jadual 1, tiada murid yang lulus pada Ujian Diagnostik. Peratus markah yang paling tinggi ialah 33% dan yang terendah ialah 7%. Merujuk kepada Jadual 2, kebanyakan murid memperoleh markah yang berada dalam lingkungan 11% - 20%. Hanya 2 orang murid yang mendapat markah yang berada dalam lingkungan 31% - 40% manakala 4 murid mendapat markah yang berada dalam lingkungan 0% - 10%.

Ujian Pascaintervensi 1

Merujuk kepada Jadual 1, hanya 2 orang murid yang gagal dalam Ujian Pascaintervensi 1. Peratus markah yang paling tinggi ialah 100% dan yang terendah ialah 10%. Merujuk kepada Jadual 2, kebanyakan murid memperoleh markah yang berada dalam lingkungan 81% - 90%. 2 orang murid yang mendapat markah yang berada 1 dalam lingkungan 91% - 100% manakala hanya 1 orang murid sahaja yang mendapat markah yang berada dalam lingkungan 0% - 10%.

Ujian Pascaintervensi 2

Merujuk kepada Jadual 1, hanya 2 orang murid yang gagal dalam Ujian Pascaintervensi 2. Peratus markah yang paling tinggi ialah 90% dan yang



terendah ialah 0%. Merujuk kepada Jadual 2, kebanyakan murid memperoleh markah yang berada dalam lingkungan 71% - 80%. 4 orang murid yang mendapat markah yang berada dalam lingkungan 81% - 90% manakala 2 orang murid mendapat markah yang berada dalam lingkungan 0% - 10%.

Jadual 1 : Pencapaian Murid

Bil	Nama Murid	Ujian Diagnostik (%) (30 markah)	Ujian Pascaintervensi 1 (%) (10 markah)	Ujian Pascaintervensi 2 (%) (10 markah)
1	A1	7	30	0
2	B2	30	100	80
3	C3	13	90	90
4	D4	13	60	80
5	E5	4	10	0
6	F6	13	70	80
7	G7	16	90	70
8	H8	20	70	90
9	I9	13	80	80
10	J10	10	50	60
11	K11	16	90	80
12	L12	33	100	90
13	M13	24	90	90
14	N14	7	50	60

Jadual 2 : Peratusan Pencapaian Murid

Peratus Markah	Bilangan murid/ Peratus Murid	Bilangan murid/ Peratus Murid (%)	Bilangan murid/ Peratus Murid (%)
91 - 100	-	2 (14.3)	-
81 - 90	-	4 (28.6)	4 (28.6)
71 - 80	-	1 (7.1)	5 (35.7)
61 - 70	-	2 (14.3)	1 (7.1)
51 - 60	-	1 (7.1)	2 (14.3)
41 - 50	-	2 (14.3)	-
31 - 40	2 (14.3)	-	-
21 - 30	1 (7.1)	1 (7.1)	-
11 - 20	7 (50)	-	-
0 - 10	4 (28.6)	1 (7.1)	2 (14.3)

Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa kesemua murid tidak boleh membaca sebelum kajian dijalankan tetapi prestasi mereka bertambah baik setelah menjalani intervensi menggunakan kaedah Orton Gillingham. Pada Ujian Pascaintervensi 1, 80% murid telah lulus. Hanya 2 orang murid



sahaja yang gagal. Begitu juga dengan Ujian Pascaintervensi 2. Kedua-dua orang murid yang gagal tidak menjalani ujian Disleksia. Seorang di antara mereka mempunyai dua orang abang yang telah dikenal pasti disleksik.

Peratus Markah bagi Ujian Pascaintervensi 1 menunjukkan bahawa intervensi menggunakan kaedah Orton Gillingham memberi kesan kepada murid-murid sehingga mereka berjaya mendapat markah yang tinggi. Bagi Ujian Pascaintervensi 2 pula, markah murid lebih rendah daripada markah Ujian Pascaintervensi 1 kerana mereka sudah tidak menjalani intervensi kaedah Orton Gillingham selama 4 bulan. Walau bagaimanapun, markah yang diperoleh lebih tinggi daripada markah Ujian Diagnostik.

KESIMPULAN

Kesimpulan daripada kajian ini ialah murid dapat membaca dengan lancar hasil daripada intervensi menggunakan kaedah Orton Gillingham. Murid lebih berani membunyikan huruf dan mengaitkan huruf dengan gambar. Murid juga cuba mengeja dengan menggabungkan huruf. Dengan pendekatan yang diambil untuk menggunakan kaedah ini, murid-murid dapat membaca suku kata terbuka dan suku kata tertutup dengan lancar.

Kaedah ini meningkatkan keyakinan diri murid-murid. Mereka mampu menerima pembelajaran secara positif. Setelah menjalani intervensi murid-murid lebih bermotivasi untuk membaca secara berdikari. Ini terbukti apabila mereka membunyikan huruf setiap kali mereka hendak mengeja. Dengan ini, keberkesanan intervensi kaedah Orton Gillingham dapat dibuktikan

Nota:

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian:

1. Jumaayah Zainalabidin
2. Norhana Khamis



RUJUKAN

- Goodman, K. S., Goodman, Y.M. (1979). Learning to Read Is Natural. In B. Resnick & P.A. Weaver (EDs), *Theory and Practices of Early Reading*, Vol. 1 (pp 137-154). Hillsdale, NJ: Erlbaum
- Smith, F. (2004). *Understanding Reading*. Hillsdale, NJ: Erlbaum. Sixth Edition
- Yahya Othman (2005). *Trend dalam Penguasaan Bahasa Melayu*. PTS Publication and Distribution Sdn Bhd, KL: Malaysia
- Zulkifley Hamid (2006). *Aplikasi Psikolinguistik dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. PTS Publication Sdn Bhd, KL: Malaysia

